



JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (36)
Tarikh : 10 Disember 2025

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan,

**PERATURAN BAYARAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA
TAHUN 2025 KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2025 kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebanyak 0.75 bulan gaji atau minimum RM1,000.00. Pelaksanaan pemberian BKK Tahun 2025 adalah seperti mana Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri **Bilangan 4 Tahun 2025** rujukan **PSUKPP.BPSM.100-1/3/1 (2) bertarikh 8 Disember 2025**.

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran BKK seperti berikut:

a) Pembayaran Melalui Sistem Berkomputer (iSPEKS)

- i. Cetak Laporan G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus);
- ii. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2025;
- iii. Kemas kini data sebenar ke dalam sistem iSPEKS
- iv. Sahkan Laporan G004 yang telah dikemas kini dengan kenyataan berikut; dan

"Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan yang dibuat adalah tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan, jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat pelarasan sewajarnya."

.....
(Tandatangan & Cap Jabatan)

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (36)
Tarikh : 10 Disember 2025

- v. Pastikan tindakan a(i) hingga a(iv) dilaksanakan mulai **11 hingga 12 Disember 2025** dan laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) pada **12 Disember 2025 sebelum jam 12 tengah hari**.

b) Pembayaran Melalui Arahan Bayaran

- i. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2025; dan
- ii. Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dengan melampirkan salinan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) sebagai dokumen sokongan.

c) Kod Akaun

Kod Akaun yang perlu digunakan bagi bayaran BKK adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Awam
B0229306	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Kerajaan & Pekerja Sambilan Serta Tidak Menyandang Jawatan Tetap

d) Tanggungjawab Ketua Jabatan dalam Pelaksanaan Bayaran BKK

- i. Memastikan bayaran BKK dibuat kepada pegawai yang layak selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2025. Penyata Kew. 8 hendaklah disediakan dan bayaran BKK hendaklah direkodkan di dalam buku perkhidmatan pegawai; dan
- ii. Memaklumkan kepada pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing mengenai pengecualian cukai pendapatan ke atas Bantuan Khas Kewangan termasuk Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 **terhad sehingga RM1,000.00 sahaja** dan menjadi kewajipan individu untuk mengisytiharkan lebihan BKK dan BKKA sebagai pendapatan bercukai. **Surat Jabatan ini rujukan JKNPP/03/07/1 Jld. 4 (34) bertarikh 23 Mei 2025 hendaklah dirujuk.**

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (36)
Tarikh : 10 Disember 2025

4. Tarikh pembayaran BKK Tahun 2025 adalah pada **22 Disember 2025**. Pembayaran BKK adalah di bawah tanggungan jabatan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Ir./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri

zu/bkka/dis25